



# KENYATAAN MEDIA

## JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN



### SARANAN MELAKSANAKAN SOLAT HAJAT BAGI MENDOAKAN KESEJAHTERAAN DAN KESELAMATAN MANGSA GEMPA BUMI DI TURKIYE DAN SYRIA

**KUALA LUMPUR, 6 Februari 2023** - Menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, susulan tragedi gempa bumi yang melanda negara Turkiye dan Syria yang mengakibatkan kemasuhanan dan kehilangan banyak nyawa dan harta benda, Jabatan ini menyarankan agar masjid, surau Jumaat dan surau di seluruh Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan melaksanakan solat Hajat dan solat Jenazah Ghaib mulai selepas solat Isya' pada malam ini serta waktu yang sesuai pada malam berikutnya bagi mendoakan keampunan dan kerahmatan bagi mangsa yang telah terkorban.

Kami merakamkan ucapan takziah buat seluruh ahli keluarga serta mendoakan kemudahan dan kelancaran bagi urusan mencari dan menyelamat yang dilaksanakan oleh pasukan berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL**

Pengarah  
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan  
6 Februari 2023

**JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN,**  
KOMPLEKS PUSAT ISLAM, 50676 JALAN PERDANA, KUALA LUMPUR  
TEL : +603-2274 9333 FAKS: +03-2273 1575 E-MEL: [aduan@jawi.gov.my](mailto:aduan@jawi.gov.my)  
**HOTLINE PENGUATKUASAAN : 1-800-88-1771**